

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.10.2016

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika Kerajaan Persekutuan akan memberi pengecualian "GST" atas pembelian tiket penerbangan sama ada pergi ke Sabah ataupun keluar dari Sabah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan pengangkutan penumpang udara merupakan antara mod pengangkutan utama bagi penduduk di Sabah dan Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman, mulai 1 Januari 2016, Kerajaan telah memberikan pengecualian GST bagi perkhidmatan pengangkutan udara domestik di Sabah dan Sarawak di bawah laluan *Rural Air Services* di mana penumpang kelas ekonomi tidak perlu

membayar GST ke atas tambang penerbangan. Perkara ini telah dimaklumkan dalam ucapan Bajet 2016.

Bagi penerbangan domestik selain daripada *Rural Air Services*, ia dikenakan pada kadar standard 6% manakala penerbangan antarabangsa adalah dikenakan pada kadar sifar selaras dengan amalan antarabangsa berhubung pengenaan GST ke atas pengangkutan udara.